



**UNIVERSITI  
MELAKA**  
UNIMEL  
Wasatiyyah . Berilmu . Berintegriti

BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA

## JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada mereka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

### JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

1. **Jawatan** : **PENOLONG PENDAFTAR (GRED N41)**
2. **Taraf Jawatan** : **Kontrak**
3. **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pengurusan dan Profesional**
4. **Syarat Lantikan:**
  - a) Terdiri daripada warganegara Malaysia;
  - b) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan; dan
  - c) Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang yang berkaitan dari universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
  - d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pendaftar Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan; **dan**

- a) Mempunyai kelayakan di perenggan **4(c)** di atas;
- b) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan

## Ringkasan Tugas :

### UMUM

Bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran pejabat, sumber manusia, perolehan peralatan, pengurusan bajet, keperluan latihan, pengurusan akademik, pembangunan pelajar.

### KHUSUS

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Melaka (UNIMEL)

### **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat bersurat dan disertakan bersama :
- i. Borang rasmi yang boleh didapati melalui laman web Universiti Melaka [www.unimel.edu.my](http://www.unimel.edu.my)
  - ii. *Resume* / butir-butir peribadi dan salinan kad pengenalan pemohon .
  - iii. Salinan kelayakan akademik dan dokumen yang berkaitan.
  - iv. Sijil – sijil / dokumen yang berkaitan.
  - v. Slip gaji 3 bulan terkini (sekiranya ada).
- b) Tarikh tutup permohonan jawatan adalah sebelum / pada **19 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)**. Sila tuliskan nama jawatan yang dipohon disebelah kiri sampul surat permohonan. Permohonan hendaklah dihantar bersama **salinan sijil yang diakui sah** kepada:

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA  
(U/P: UNIT PERJAWATAN)**

### **PERKARA AM**

- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- Pihak UNIMEL tidak akan menanggung sebarang kos yang dikeluarkan untuk menghadiri temuduga ini.